

1. "Mengapakah _____ bersedih"? tanya Hang Tuah kepada Hang Jebat.

- A. tuan hamba
- B. beta
- C. hamba
- D. patik

2. " _____ akan menurut perintah tuanku," kata Hang Tuah kepada sultan.

- A. Patik
- B. Baginda
- C. Hamba
- D. Beta

3. "Izinkan _____ menumpang di rumah tuan hamba," kata lelaki tua itu kepada Panglima Hitam.

- A. patik
- B. hamba
- C. beta
- D. tuanku

4. Sultan Johor akan menghadiri majlis itu. _____ akan diiringi oleh Menteri Besar Johor.

- A. Beta
- B. Tuanku
- C. Baginda
- D. Patik

5. " _____ berjanji akan membangunkan kawasan ini," titah Sultan Sulaiman.

- A. Baginda
- B. Hamba
- C. Beta
- D. Patik

6. "Bilakah _____ akan berjumpa dengan duta dari negara itu?" tanya bendahara kepada Sultan Iskandar.

- A. beta
- B. tuan hamba
- C. tuanku
- D. hamba

7. Baginda Sultan Perak telah _____ ke Istana Negara bagi menghadiri Mesyuarat Raja-raja Melayu.

- A. beradu
- B. bertitah
- C. berkenan
- D. berangkat

8. Baginda telah _____ untuk merasmikan kempen masyarakat penyayang yang akan diadakan di Kompleks Rakan Muda Bera esok.

- A. berkenan
- B. bersiram
- C. bersemayam
- D. bertitah

9. Baginda akan _____ di Istana Kayangan mulai tahun 2020.

- A. beradu
- B. bersantap
- C. bersemayam
- D. berangkat

10. Raja akan _____ sekiranya rakyat baginda mengingkari perintahnya.

- A. gering
- B. murka
- C. masyghul
- D. mangkat